

## UPNM terima sumbangan wakaf pendidikan TNB

[Share](#)[Tweet](#)[MyMetro](#) > Mutakhir

UPNM menerima sumbangan wakaf pendidikan daripada TNB. FOTO Ihsan UPNM

## UPNM terima sumbangan wakaf pendidikan TNB

[MyMetro](#) > Mutakhir**Muhaamad Hafis Nawawi**[mhafis@hmetro.com.my](mailto:mhafis@hmetro.com.my)

Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) hari ini menerima sumbangan wakaf pendidikan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Tenaga Nasional Berhad (TNB).

UPNM dalam satu kenyataan berkata, sumbangan wakaf pendidikan itu disampaikan Presiden dan juga Ketua Pegawai Eksekutif TNB Kolonel (K) Datuk Seri Amir Hamzah Azizan kepada Naib Canselor UPNM Leftenan Jeneral Datuk Hasagaya Abdullah.

Katanya, sumbangan wakaf ini dapat meringankan beban pelajar UPNM yang memerlukan bantuan kewangan berkenaan.

"Program ini juga menyaksikan delegasi daripada syarikat TNB merasai sendiri pengalaman berada di atas kapal dengan slot simulator kapal oleh Pusat Maritim UPNM serta peluang untuk merasai pengalaman menembak di Lapang Sasar 10M UPNM.

"Ini memberi pendedahan kepada syarikat TNB berkenaan fasiliti dan infrastruktur Universiti," katanya, hari ini.

Menurut kenyataan itu, UPNM menzahirkan ribuan terima kasih kepada syarikat TNB atas sumbangan wakaf yang disampaikan.

"UPNM juga turut berbangga kerana dapat bekerjasama dengan syarikat gergasi TNB yang sentiasa memberi sumbangan bermanfaat dalam memangkin pembangunan ekonomi negara serta kelestarian hidup masyarakat.

"Diharap kerjasama erat yang terjalin serta usaha murni hasil sumbangan syarikat TNB kepada UPNM akan berterusan pada masa-masa akan datang," katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 12 January 2021 @ 9:50 PM**